

Headline	Jangan salahkan pengguna		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	18 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	250,000	Readership	750,000
Section	News	Page No	4
ArticleSize	152 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,473		



Jangan salahkan pengguna

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu lebih proaktif dan mencari mekanisme terbaik dalam memberi perkhidmatan sempurna kepada rakyat, bukan meletakkan kecuaiannya yang dilakukan ke atas bahu pengguna semata-mata.

Mengulas isu kesilapan teknikal terhadap caj bil elektrik baharu yang dikenakan TNB, Ahli Majlis Pimpinan Pusat KEADILAN, Rodziah Ismail berkata, kesilapan terbabit tidak sewajarnya dilakukan oleh TNB.

Malah, beliau yang juga EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Banda, Desa dan

Kampung Tradisi negeri berkata, di sebalik kesilapan yang berlaku menyebabkan pengguna menjadi mangsa dengan dikenakan caj bayaran elektrik pada harga yang tidak munasabah.

"Caj yang dikenakan itu sudah pasti membebankan pengguna. Oleh itu, TNB perlu lebih proaktif dan mencari mekanisme terbaik dalam memberi perkhidmatan sempurna kepada rakyat, bukan meletakkan kecuaiannya yang dilakukan ke atas bahu pengguna semata-mata.

"Sebagai syarikat yang memonopoli pembekalan tenaga elektrik di Malaysia, TNB perlu

memenuhi standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan pengguna berdasarkan Seksyen 9C Akta Bekalan Elektrik 1990," katanya.

Terdahulu, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, TNB perlu bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku dan perlu menangani masalah yang berbangkit secara segera.

Katanya, hal itu kerana berdasarkan siasatan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) mengesahkan bahawa berlaku kecuaiannya kesilapan teknikal yang dilakukan oleh TNB.